

**MAQASID SYARIAH PERSPECTIVE IN MICROFINANCE**

**PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH DALAM PEMBIAYAAN MIKRO**

Nur Izzah Soleha Roslan<sup>i</sup> & Salmy Edawati Yaacob<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Pelajar Sarjana Muda, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). A184087@siswa.ukm.edu.my

<sup>ii</sup> (*Corresponding author*). Profesor Madya, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia (UKM). Salmy1001@ukm.edu.my

*Article Progress*  
Received: 1 September 2024      Revised: 20 October 2024      Accepted: 31 October 2024

<b>Abstract</b>	<p><i>Microfinancing is one of the methods to provide an access to Shariah-compliant financing to the poor by generating their profits in order to remove themselves from the state of poverty. However, there are still microfinancing institutions that do not apply the concept of Maqasid Syariah best in management. The objective of this study is to analyse concept of Maqasid Syariah in microfinancing and to examine the connection of Maqasid Syariah with the propositions of Sharia. Qualitative methods are used in this study by using the content analysis method for data collection. Next, a descriptive method was used to analyze the data. The results of the study found that the concept of maqasid Shariah can encompass the whole of micro-financing. In addition, Maqasid Syariah is closely related to the evidence of Sharia (Dalil).</i></p> <p><b>Keywords :</b> <i>Microfinancing, Institution, Maqasid Syariah, Evidence of Sharia.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Pembiayaan mikro merupakan salah satu kaedah untuk memberikan akses pembiayaan patuh Syariah kepada golongan miskin dengan menjana keuntungan mereka agar mengeluarkan diri mereka dari cengkaman kemiskinan. Namun begitu, masih terdapat institusi pembiayaan mikro yang tidak mengaplikasikan konsep Maqasid Syariah ini sebaiknya dalam pengurusan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji konsep Maqasid Syariah dalam pembiayaan mikro dan mengkaji keterkaitan Maqasid Syariah dengan dalil Syarak. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan metode analisa kandungan bagi pengumpulan data. Seterusnya, kaedah deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian mendapati konsep maqasid Syariah dapat merangkumi keseluruhan pembiayaan mikro. Selain itu Maqasid Syariah berkait rapat dengan dalil- dalil syarak.</i></p> <p><b>Kata Kunci:</b> <i>Pembiayaan mikro, Institusi, Maqasid Syariah, Dalil Syarak.</i></p>

## **PENGENALAN**

Urusan muamalat merupakan sebahagian daripada tuntutan agama Islam dalam mengatur kehidupan umat manusia. Perkara asas syariah yang berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah menjadi rujukan utama dalam menetapkan hukum garis panduan atas setiap kehendak dan keperluan manusia yang mudah berubah dari semasa ke semasa. Konsep Syariah meraikan kehendak dan amalan semasa yang berhubung dengan muamalat secara umumnya tanpa menyempitkan keadaan dengan hanya menjadikan tafsiran secara zahir sahaja terhadap al-Quran dan al-Sunnah sebagai sandaran hukum. Oleh yang demikian, maqasid syariah dalam urusan muamalat adalah diharuskan untuk memastikan kedudukan dan peranan syariah sentiasa menjadi landasan dan rujukan kepada manusia sepanjang zaman. Artikel ini akan membincangkan berkaitan konsep Maqasid Syariah dalam pembiayaan mikro secara khusus dan perkaitan hubungan Maqasid Syariah dengan dalil -dalil syarak secara umum.

## **KONSEP MAQASID SYARIAH**

Kunci pemahaman prinsip-prinsip Syariah adalah dengan membuat penyelidikan dari perspektif tujuan (maqasid) sesuatu hukum itu dilaksanakan (Rosly, 2010). Kenyataan ini bertepatan dengan penegasan yang dinyatakan oleh al-Juwayni (1997: 101), "*Dan barangsiapa yang tidak memahami kewujudan maqasid dalam sesuatu perintah dan larangan yang telah ditetapkan oleh Syarak, maka dia tidak akan memiliki pengetahuan yang mendalam terhadap Syariah*".

Dewasa kini, prinsip-prinsip maqasid syariah memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan asas pelaksanaan bagi keseluruhan gagasan pembiayaan Islam dan garis panduan kaedah perlaksanaannya. Hal ini kerana syariah menganggap bahawa perniagaan dan transaksi kewangan adalah sebahagian besar daripada elemen pentingnya. Oleh itu, peranan maqasid syariah sangat diperlukan bagi memastikan amalan kewangan Islam menjadi sebagai kerangka yang dapat memperkasakan kualiti kesejahteraan (masalah) kepada umat manusia secara umumnya (Akram Laldin, 2013; Thaidi, 2018). Sehubungan itu, menurut pemikiran sarjana ekonomi Islam menyatakan bahawa maqasid syariah terikat dengan ijihad fiqh (Norashikin, 2020). Hal ini bertepatan dengan hukum hakam yang terdapat dalam Al-Quran dan Sunnah serta kaedah pengisbatan hukum berdasarkan Usul Fiqh secara keseluruhannya berkisarkan pada satu paksi yang sama iaitu disyariatkan demi mencapai kemaslahatan dan kebaikan kepada manusia sama ada di dunia atau akhirat. Kemaslahatan ini dapat dibahagikan kepada tiga tahap (al-Āmidī, 2003; al-Shātibī, 2011) iaitu *al-daruriyyah* (keperluan kehidupan manusia memerlukannya dan bergantung kepadanya), *al-hajiyyah* (perkara yang diperlukan oleh manusia untuk mendapatkan kemudahan dan menghilangkan kepayahan) dan *al-tahsiniyyah* (perkara yang menyempurnakan urusan manusia).

*Al-Daruriyyah* yang merupakan tahap pertama telah dibahagikan kepada lima peringkat iaitu *Hifz al-Din* (pemeliharaan agama), *Hifz al-Nafs* (pemeliharaan Diri), *Hifz al-'Aql* (pemeliharaan akal), *Hifz al-Mal* (pemeliharaan Harta) dan *Hifz al-Nasb* (pemeliharaan keturunan). Kelima-lima peringkat ini berpandukan kepada al-Quran dan huraian penjelasannya dalam Sunnah. Al-Quran sebagai panduan dan sumber untuk kita bergantung, manakala Sunnah pula sebagai bentuk pencabangan dan penjelasan yang lebih mendalam (al-Raysūnī, 2015)

### ***Hifz Al-Din (Pemeliharaan Agama)***

Menurut al-Ghazali (2015) dalam karyanya *al-Mustasfa*, dikatakan sebagai yang pertama dalam mengatur elemen *al-daruriyyah* ke dalam lima peringkat tersebut. Sepakat para sarjana Muslim bahawa Islam telah menegaskan dalam melindungi lima peringkat ini telah menjadi dimensi utama dalam kedudukan maqasid syariah. Pemeliharaan agama merupakan kedudukan pertama dan yang paling utama antara lima peringkat tersebut (al-Āmidī, 2003; al-Ghazālī, 2015; al-Shātibī, 2011). Hal ini bertepatan dengan kenyataan Ibn 'Ashur (2016) berkaitan dimensi pemeliharaan agama.

*“Pemeliharaan agama bermaksud menyelamatkan iman setiap individu Muslim daripada terpengaruh dengan apa-apa perkara yang boleh merosakkan dan mengelirukan kepercayaannya dan memutarbelitkan tingkah laku berdasarkan perkara tersebut. Bagi masyarakat secara umum pula, pemeliharaan agama bermaksud mencegah apa-apa yang berkemungkinan akan melanggar dan memusnahkan asas-asasnya, yang meliputi mempertahankan tanah dan kedaulatan umat Islam dan melindungi kaedah pembelajaran dan pendidikan Islam dalam kalangan generasi umat Islam sekarang dan akan datang.”*

Berdasarkan kenyataan di atas, dimensi ‘pemeliharaan’ yang dinyatakan adalah bersifat umum yang merangkumi semua kaedah pemeliharaan daripada elemen yang menjejaskan, merosakkan, atau membingungkan kepercayaan agama seseorang (Hussein, 2021). Dalam konteks pembiayaan mikro Islam, pemeliharaan agama difokuskan kepada kepatuhan perlaksanaan berpandukan garis panduan Syariah dan kemiskinan yang berpotensi untuk mengancam kepercayaan agama seseorang Muslim sehingga boleh menyebabkan pegangan mereka songsang dan goyah. Perlaksanaan pembiayaan mikro seharusnya tidak melibatkan unsur-unsur yang bertentangan dengan prinsip-prinsip agama Islam. Oleh yang demikian, pembiayaan mikro tersebut hendaklah mengikut garis panduan konsep syariah yang telah ditetapkan. Hal ini telah dinyatakan dalam Al-Quran:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ۗ﴾

Maksudnya, *“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama kamu.”* (al-Quran. Al-Mā'idah: 3)

### **Hifz Al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa)**

Nikmat nyawa merupakan salah satu anugerah kehidupan yang telah dikurniakan Allah kepada manusia. Oleh itu, setiap manusia haruslah menjaga dan melindungi serta memelihara nyawa itu sendiri. Sehubungan itu, setiap individu juga perlu menjaga nyawa orang lain. Sebagai contoh, Khalifah Umar r.a pernah memesan agar anaknya dilatih dengan kemahiran memanah, menunggang kuda dan berenang. Hal ini kerana bertujuan untuk memupuk pembangunan fizikal, mental dan fikiran yang mantap. Selain itu, pesanan utama Khalifah Umar adalah berkaitan dengan kepentingan pembentukan generasi umat Islam yang cerdas akal dan fizikal dalam mendepani cabaran dan ujian duniawi dalam menongkah arus globalisasi yang mencabar demi kehidupan masa depan yang lebih berkualiti. (Mahadzirah, 2016).

Menjaga nyawa telah diterjemahkan oleh para sarjana dengan pelbagai penafsiran. Menurut Ibn 'Ashur (2016) menyatakan bahawa memelihara nyawa adalah dengan menjaganya daripada sesuatu yang boleh membawa kepada kemudaratan, sama ada melibatkan nyawa sendiri atau manusia secara keseluruhannya. Manakala, menurut Amin (2013) dalam kajiannya menjelaskan bahawa menjaga nyawa boleh dilihat daripada sudut yang memenuhi keperluan asas manusia seperti keperluan fizikal, rohani, moral dan sosial serta menjauhkan perkara yang boleh mengancam nyawa.

Justeru, menjaga nyawa boleh dirumuskan dengan tiga dimensi utama (Mahadzirah, 2016), iaitu memelihara nyawa dengan memenuhi tuntutan kepada keperluan asas untuk kehidupan seperti keperluan asas. Selain itu, melindungi keselamatan nyawa daripada sebarang penyakit atau segala perkara yang memudaratkan nyawa seperti keselamatan nyawa. Yang terakhir, mengekalkan kesejahteraan nyawa melalui sokongan dan bimbingan. Sehubungan itu, dari sudut pembiayaan mikro harus memberikan sokongan dan dokongan kepada peminjam dalam meningkatkan martabat dan kesejahteraan dan keselamatan individu tersebut. Hal ini merangkumi inisiatif sokongan dalam bentuk latihan keusahawanan, bimbingan perniagaan dan khidmat nasihat bagi membantu individu dalam membangun keterampilan dan mengurus perniagaan dengan lebih efektif dan berkesan.

### **Hifz 'Al-Aql (Pemeliharaan Akal)**

Menurut Mahadzirah (2016) dalam kajiannya menyatakan bahawa akal merupakan prasyarat untuk mencari sesuatu ilmu dan melakukan sesuatu amalan dengan lebih baik dan sempurna. Selain itu, akal juga merupakan salah satu anugerah yang diberikan oleh Allah kepada manusia untuk membenarkan manusia sentiasa berfikir, memahami dan menghayati ciptaan-Nya. Sehubungan itu, dengan melalui akal manusia dapat membina tamadun ke arah peningkatan kualiti hidup (Chapra, 2007). Hal ini kerana tanpa akal, sifat manusia dianggap sebagai tidak lengkap berlandaskan syaria Islam.

Pendekatan menjaga akal boleh diadaptasi daripada dua sudut. Menurut Ibn 'Ashur (2006), yang pertama, melindungi akal manusia daripada perkara yang boleh menyebabkan manusia tersebut berada dalam kerosakkan. Beliau menjelaskan akal yang tidak sempurna akan menyebabkan seseorang itu berkelakuan secara tidak waras dan menyeleweng. Sebagai contoh, ancaman akal seperti meminum arak, mengambil dadah dan menghidu gam. Manakala kaedah yang kedua ialah menurut Isemail Basri (2010), menjaga akal merujuk kepada proses pematangan, pembelajaran serta pendidikan yang mempengaruhi intelek, emosi dan gerak hati seseorang. Justeru, menjaga akal melalui pengembangan ilmu pengetahuan dengan cara menghindari perkara yang boleh merosakkannya berasaskan dengan tuntutan syarak (Mahadzirah, 2016).

Sehubungan itu, dari aspek sistem pembiayaan mikro harus memastikan bahawa tiada pelaksanaan atau ketentuan yang merugikan atau merugikan peminjam secara berlebihan. Disamping itu, ilmu perniagaan haruslah diterapkan secara berkala kepada usahawan tersebut agar dapat menjana pendapatan serta mengembangkan perniagaan sebaiknya. Selain itu, peminjam mestilah dimaklumkan pensyaratan pinjaman secara jelas tanpa berselindung dengan pengurusan yang baik bagi mengelakkan kesan yang buruk pada masa akan datang.

### **Hifz Al-Nasl (Pemeliharaan Keturunan)**

Bagi menjamin kehidupan yang berkualiti, Islam menetapkan agar umatnya menjaga keturunan. Konsep menjaga keturunan meliputi perlindungan, pemeliharaan dan sokongan terhadap keturunan (Kasule, 2004). Sekiranya keturunan tidak dijaga, maka akan terjadinya kecelaruan dalam susur galur keturunan. Oleh itu, pengukuran menjaga keturunan mengikut garis panduan pendekatan Maqasid Syaria merangkumi tiga aspek utama, iaitu hubungan keluarga, hubungan sosial dan penguatkuasaan undang-undang.

Perhubungan antara kalangan ahli keluarga bermula dengan ikatan perkahwinan dan mengetahui bagaimana untuk menjalankan peranan dan tanggungjawab sebagai ahli dalam keluarga. Oleh itu, dari aspek pembiayaan mikro yang berterusan seharusnya mampu menampung ketahanan ekonomi keluarga dan memastikan bahawa usaha mikro memberikan manfaat dalam jangka masa yang panjang bagi membiayai keperluan generasi yang mendatang. Namun, jika terdapat kalangan ahli keluarga yang gagal membuat bayaran hutang maka ahli keluarga tersebut perlu menanggung hutang tersebut sehingga selesai dilunaskan.

Selain daripada menjaga ahli keluarga, aspek kedua yang berkait rapat dengan pembiayaan mikro adalah hubungan sosial bersama saudara, rakan atau masyarakat. Tuntutan ini bertujuan menjaga hubungan dengan saudara, rakan bagi memastikan wujudnya permuafakatan dan perfahaman. Hal ini akan memberikan kesan yang baik seperti kemudahan dan kelengkapan serta jalan keluar terhadap kesulitan atau masalah yang dihadapi. Justeru, dengan wujudnya permuafakatan dan persefahaman ini dalam kalangan masyarakat, maka perkara ini akan menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup ahli masyarakat (Mahadzirah, 2016).

Pembiayaan mikro secara keseluruhannya menggunakan konsep penjamin dalam membuat proses pinjaman sama ada dari kalangan saudara, kenalan atau masyarakat setempat. Akan tetapi hampir kebanyakan peminjam tidak membuat bayaran balik menyebabkan penjamin terbeban untuk membuat bayaran balik ke atas peminjam tersebut.

Oleh itu, hubungan sosial dalam kehidupan bermasyarakat menuntut seseorang itu untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Seseorang yang baik tidak akan mengkhianati saudaranya. Arahan ini adalah sebagaimana yang telah ditegaskan dalam Al-Quran:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴾

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (Amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).” (al-Quran al-Anfāl: 27)

Selain itu Rasulullah SAW juga bersabda:

{ كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِزُّهُ }

Maksudnya, “Setiap Muslim terhadap Muslim lain itu haram darahnya, hartanya dan kehormatannya.” (Hadith. Muslim. Bab Tahrim Zulm Al muslim Wadhali Wasabi Damih Wardih Wamalihi. No. 2564).

Berdasarkan hadis ini, persaudaraan sesama Islam harus mengelakkan perbuatan – perbuatan yang menzalimi saudaranya, sama ada pada tubuh badan, harta dan maruah. Justeru, keadilan dan kebertanggungjawaban menjadi isu penting dalam pelaksanaan pembiayaan mikro yang ideal (Hamidi, 2021). Disamping itu, aspek yang ketiga adalah tuntutan agar penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan institusi keluarga dan masyarakat. Undang-undang diwujudkan bagi memberi amaran agar individu tersebut tidak melakukan perbuatan yang boleh mengancam keharmonian dan kemakmuran dalam masyarakat. Sebagai contoh institusi pembiayaan mikro boleh mengenakan denda kepada peminjam yang membuat bayaran lewat daripada masa yang telah ditetapkan bagi menjaga kebajikan penjamin.

### **Hifz Al-Mal (Pemeliharaan Harta)**

Definisi harta menurut takrifan Ibn Manzur (1993) menyatakan bahawa sesuatu yang dimiliki dari segala sesuatu. Sehubungan itu, sebahagian ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa harta merupakan sesuatu yang manusia ingin miliki secara semulajadi, boleh disimpan, dan digunakan apabila perlu. Sehubungan itu, harta perlu dikembangkan dan digunakan dengan penuh kejujuran dan kepercayaan bagi menghilangkan kemiskinan, memenuhi keperluan hidup, membina kehidupan yang selesa dan mengelakkan pengagihan pendapatan secara adil dan saksama (Mahadzirah, 2016). Justeru, pemilikan harta perlu dilaksanakan secara halal demi mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup. Oleh itu, pengukuran menjaga harta berpandukan syariah dimanifestasikan kepada penghasilan, pengurusan dan pengagihan (Ismaail Basri, 2010)

Dalam aspek pembiayaan mikro harus dirancang sebaiknya untuk melindungi harta dan kekayaan peminjam serta dapat memberikan manfaat ekonomi yang adil mengikut keutamaan. Pelanggan Muslim perlu memastikan bahawa pembiayaan mikro yang dilaksanakan adalah patuh Syariah bagi menjaga kesucian harta (Khalidah, 2023). Hal ini kerana dapat mengelakkan kemudaratan yang berpanjangan dan mendatangkan kemaslahatan. Sebagai contoh, urusan meminjam wang hendaklah disertai dengan perjanjian bayaran balik. Islam amat menitikberatkan persetujuan antara pihak yang terlibat semasa melakukan urusan niaga. Hal ini kerana kepercayaan secara lisan dari satu pihak kepada pihak yang lain adalah tidak mencukupi. Oleh itu, antara langkah yang perlu diambil adalah mewujudkan dokumen bagi merekodkan persetujuan beserta syarat-syarat yang telah dipersetujui dan disahkan oleh mereka yang terlibat (Mahadzirah, 2016). Langkah ini adalah bagi mengelakkan sebarang masalah yang timbul pada masa hadapan. Hal ini bertepatan dengan firman Allah:

﴿ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ وَلَا يَأْتِ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا وَلَا تَسْمَعُوا أَنْ تَكُنُّوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ آجَلِهِ ﴾

Maksudnya, "...Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya..." (al-Quran. al-Baqarah: 282)

Rumusannya, kelestarian Maqasid Syariah boleh didefinisikan sebagai menjaga dan memastikan bahawa tindakan dan keputusan yang diambil dalam kehidupan berlandaskan prinsip-prinsip ini. Konsep ini melibatkan dalam urusan muamalat bagi memastikan bahawa sebarang tindakan adalah tidak bertentangan dengan nilai-nilai dan garis panduan yang telah ditetapkan serta dikehendaki oleh syariat Islam. Konsep Maqasid Syariah dalam konteks kewangan adalah dirujuk bagi memastikan bahawa produk dan perkhidmatan kewangan yang dilaksanakan telah mematuhi prinsip-prinsip syarak disamping tidak melanggar garis panduan yang telah ditetapkan oleh Maqasid Syariah. Hal ini bagi memastikan keadilan, kecukupan dan keberlanjutan pelaksanaan dalam pembiayaan mikro ini dapat memberi manfaat secara keseluruhannya.

#### PERKAITAN MAQASID SYARIAH DENGAN DALIL SYARAK

Perbincangan perkaitan Maqasid Syariah berteraskan pada dalil – dalil syarak lain adalah suatu perkara yang penting bagi menentukan perbezaan kedudukan maqasid syariah sebagai salah satu sandaran kepada hukum syarak (Nazir, 2023). Secara dasarnya, dalil-dalil syarak terbahagi kepada dua iaitu dalil syarak yang disepakaiti seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan dalil-dalil syarak yang tidak disepakati seperti *masalih mursalah*, *istihsan* dan *sadd al-dhara'i*.

#### Maqasid Syariah dengan Al-Quran

Hubungan Maqasid Syariah dengan dalil syarak yang utama iaitu al-Quran. Dari sudut istilah ulama, al-Quran adalah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai mukjizat yang mendapat pahala jika dibaca, diriwayatkan secara mutawatir dan dimulakan dengan surah Al-Fatihah serta diakhiri dengan surah Al-Nas (al-Zuhayli, 1986). al-Quran merupakan sumber utama bagi agama Islam yang dipelihara oleh Allah SWT sehingga hari kiamat.

Maqasid Syariah menjadikan Al-Quran sebagai sumber asas kerana dalil - dalil tersebut telah menyatakan bahawa syariah adalah bertujuan bagi memberi kemaslahatan kepada manusia dan menjauhkan mereka daripada kemudharatan (kerosakan) sama ada pada tahap daruriyyat, hajiyyat atau tahsiniyyat (al-Tarawanah, 2008). Maqasid Syariah tiada dalil pensyariaan yang khusus, Maqasid Syariah hanya boleh terhasil melalui penelitian yang menyeluruh kepada ayat-ayat Al-Quran. Justeru, tanpa Al-Quran maka tiadalah maqasid Syariah (al-Yubi, 1998). Terdapat ayat-ayat Al-Quran yang menjelaskan bahawa menghilangkan kesusahan yang merupakan salah satu perkara yang menjadi dasar maqasid syariah seperti firman Allah Swt dalam ayat berikut:

﴿ وَمَا جَعَلْ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ﴾

Maksudnya, "Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama." (al-Quran. al-Hajj: 78)

﴿ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ ﴾

Maksudnya, "Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan)." (al-Quran. al-Ma'idah: 6)

﴿يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ﴾

Maksudnya, "Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran" (al-Quran. al-Baqarah :185)

Justeru, ayat-ayat ini adalah dalil bagi menunjukkan bahawa antara matlamat penting penurunan syariah adalah bagi menghilangkan kesusahan dan memberikan kemudahan.

### Maqasid Syariah dengan al-Sunnah

Disamping itu, terdapat hubungan maqasid syariah dengan al-Sunnah. Al-Sunnah merupakan sumber dalam ajaran Islam yang kedua. Ia juga merupakan wahyu daripada Allah SWT kepada Nabi Muhammad akan tetapi dalam bentuk maksud sahaja. Ia tidak seperti Al-Quran yang lafaznya adalah daripada Allah SWT. Definisi Al-Sunnah menurut istilah ulama ialah apa sahaja yang datang daripada Rasulullah SAW sama ada melalui ucapan, perbuatan dan perakuan (al-Yubi, 1998).

Al-Sunnah memainkan peranan yang penting dalam menjelaskan maksud yang tersirat dan cara pelaksanaan dalam hukum hakam yang terdapat di dalam al-Quran. Oleh itu, al-Sunnah menjadi sumber asas kedua dalam syariat Islam. Disamping itu, al-Sunnah juga penting dalam menentukan maqasid syariah. Hal ini kerana al-Sunnah akan memperincikan bentuk-bentuk kemaslahatan yang telah dinyatakan secara umum di dalam al-Quran. Selain itu, al-Sunnah ada mengandungi hukum hakam baru yang tidak dinyatakan oleh al-Quran. Justeru, tanpa membuat penyelidikan yang menyeluruh terhadap al-Sunnah, maka syariah dalam pensyariahan hukum tidak mungkin mampu ditentukan secara tepat (al-Tarawanah, 2008). Sebagai contoh, dalam Al- Quran terdapat ayat yang menyuruh agar seseorang itu meminta izin terlebih dahulu sebelum memasuki rumah orang lain seperti yang terkandung dalam firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ \* فَإِن لَّمْ يَجِدُوا فِيهَا أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّىٰ يُؤْذَنَ لَكُمْ ۖ وَإِن قِيلَ لَكُمُ ارْجِعُوا فَارْجِعُوا ۗ هُوَ أَزْكَىٰ لَكُمْ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu)." (al-Quran. al-Nur: 27-28)

Berdasarkan dalil tersebut dapat difahami bahawa tujuan larangan adalah untuk menjaga mata orang yang datang berziarah agar tidak melihat aurat atau aib yang terdapat di dalam rumah yang diziarahi. Disamping itu, tujuan ayat ini dapat diketahui melalui sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Maksudnya: "Sesungguhnya diwajibkan meminta keizinan itu adalah untuk menjaga pandangan." (Hadith. al-Bukhari. Bab Ihfazu Manzarun No. 1993). Justeru, tanpa meneliti al-Sunnah maka tujuan dan objektif larangan tersebut tidak mungkin boleh diketahui secara pasti. Oleh itu, penelitian terhadap al-Sunnah secara menyeluruh merupakan syarat utama dalam penentuan maqasid syariah (al-Yubi, 1998).

### Maqasid Syariah dengan Ijmak

Ijmak adalah sumber ajaran Islam yang penting setelah al-Quran dan al-Sunnah. Ijmak merupakan persepakatan ulama mujtahid daripada umat Nabi Muhammad SAW pada satu zaman setelah kewafatan baginda berkaitan hukum syarak tertentu (al-Yubi, 1998; al-Zuhayli, 1986). Ijmak berperanan penting dalam menentukan maqasid syariah. Hal ini kerana hukum hakam syarak yang telah disepakati dan menjadi ijmak dalam kalangan ulama merupakan hukum yang mempunyai kedudukan yang tinggi.

Penentuan maqasid syariah adalah berdasarkan kepada hukum hakam yang telah disepakati (ijmak) menjadikan maqasid syariah tersebut adalah sah dan tepat. Imam al-Ghazali (1993) telah menegaskan mengenai ini dengan menyatakan: “*Maqasid syariah itu diketahui melalui al-Kitab, al-Sunnah dan Ijmak. Semua kemaslahatan yang tidak menjaga tujuan yang difahami daripada al-Kitab, al-Sunnah dan ijmak serta ia adalah ganjil yang tidak selari dengan tindakan-tindakan syarak maka ia adalah batil dan ditolak*”. Selain itu, maqasid syariah yang telah menjadi ijmak ulama merupakan satu kedudukan pada tahap tinggi daripada maqasid syariah yang tidak menjadi ijmak (al-Yubi 1998). Sebagai contoh, ulama telah bersepakat (*ijmak*) bahawa sifat kanak-kanak yang belum baligh adalah ‘*illah* bagi pensyariatan hukum perwalian keatas harta anak yatim. Dari sudut maqasid syariah, hukum tersebut adalah bertujuan bagi menjaga dirinya sendiri (al-Tarawanah, 2008). Justeru, menjaga kemaslahatan anak yatim merupakan salah satu daripada maqasid syariah yang perlu diambil perhatian dalam menguruskan hal elwal berkaitan dengan mereka.

## **PENUTUP**

Artikel ini telah membahaskan berkaitan konsep Maqasid Syariah dan perkaitan Maqasid Syariah dengan dalil-dalil syarak secara terperinci dan mendalam. Hasil dapatan kajian dalam artikel ini mendapati bahawa Maqasid Syariah merupakan satu konsep yang diiktiraf dan termaktub pensyariatannya di dalam syariat Islam. Hal ini membuktikan bahawa Maqasid Syariah telah berkembang serta diamalkan oleh keseluruhan umat Islam dengan meluas. Di samping itu, pembiayaan mikro juga tidak ketinggalan dalam mengaplikasikan konsep Maqasid Syariah ini dalam pembiayaan mereka dengan merangkumi *Hifz Din, Hifz Nafs, Hifz Al-'Aql, Hifz Nasb* dan *Hifz Mal*. Rumusannya, kelestarian Maqasid Syariah boleh didefinisikan sebagai menjaga dan memastikan bahawa tindakan dan keputusan yang diambil dalam kehidupan berlandaskan prinsip-prinsip ini. Konsep ini melibatkan dalam urusan muamalat bagi memastikan bahawa sebarang tindakan adalah tidak bertentangan dengan nilai-nilai dan garis panduan yang telah ditetapkan serta dikehendaki oleh syariat Islam. Konsep Maqasid Syariah dalam konteks kewangan adalah dirujuk bagi memastikan bahawa produk dan perkhidmatan kewangan yang dilaksanakan telah mematuhi prinsip-prinsip syarak disamping tidak melanggar garis panduan yang telah ditetapkan oleh Maqasid Syariah. Hal ini bagi memastikan keadilan, kecukupan dan keberlanjutan perlaksanaan dalam pembiayaan mikro ini dapat memberi manfaat secara keseluruhannya.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

- 'Allal Al-Fasi. (1993). *Maqasid Syariah Al-Syariah Al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Tunisia: Dar al-Gharb Al-Islami. 5:7
- Abu Dāud. (2013). *Sunan Abī Dāwud Sunt. Y. Hasan, I. Dalli, & I. al-Tiyar. 1 ed.* Damsyik: Mu'asasat al-Risalah.
- Abū Ma'ālī al-Juwaynī, A. M. A. Y. (1997). *Al-Burhān fī Usūl al-Fiqh Sunt. S. Muhammad*. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyah. Ed. 1. Jil. 1).
- Akram Laldin, M., & Furqani, H. (2013). *Developing Islamic finance in the framework of maqasid al-Shari'ah. International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. 6(4), 278-289. doi:10.1108/IMEFM-05-2013-0057
- Al- Shuwayyikh. (2000). *Ta'li'l Al-Ahkam Fi Syariah Al-Islamiyyah*. Tanta: Dar Al-Bashir Li Al-Thaqafah Wa Al- Ulum.
- Al-Āmidī, A. M. (2003). *Al-Ihkām fī Uṣūl al-Ahkām Sunt. A. R. Afifi*. Riyadh: Dar al-Ṣami'i. Ed. 1. Jil. 3
- Al-Bayati, Ahmad Mahmud Hasan. (2012). *Dawr Al-istiqrā' fī ithbat maqasid syariah al-ammah*. Majallah Al-Ulum Al-Islamiyyah. 22; 119-71.
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail. (1993). *Sahih Al-Bukhari, disunting oleh Abd al-Malik Mujahid*. Al-Riyad: Dar al-Salam.

- Al-Ghazālī, M. M. (2015). *al-Mustasfā min 'Ilmi al-Uṣūl Sunt. M. S. al-Ashqar*. Beirut: Mu'asasat al-Risalah Nasyirun. Ed. 1. Jil. 1
- Al-Ghazali, Muhammad Muhammad. (1993). *Al-Mustasfa Min Ilm Al-Usul*, disunting oleh Abd Al-Shafi Muhammad Abd Al-Salam. Beirut: Dar Al-Kotob Al-Ilmiyah.
- Al-Kaylani, Abd Al-Rahman. (2000) . *Qawaid Al-Maqasid Ind Al-Imam Al-Shatibi* .Beirut: Dar El Fikr.
- Al-Khadimi, Nur Al-Din Mukhtar. (2001). *Ilm Al-Maqasid Syariah*. Al-Riyadh: Obekan Publishers & Booksellers.
- Al-Nawāwī, Y. S. (2010). *Al-Minhāj Sharah Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj Sunt. M. Marā'ī*. Damsyik: Dar al-Fayha' . Ed. 1. Jil. 6
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2008). *Dirasah Fi Fiqh Maqasid Syariah: Bayna Al- Maqasid Al-Kuliyah Wa Al-Nusus Al-Juz'iyyah*. Cairo: Dar Al-Shuruq.
- Al-Qurtubī, A. U. (1996). *Al-Mufhim Li-Mā Ashkala min Talkhīṣ Kitāb Muslim Sunt. M. D. Misto, A. M. A. Sayyid, Y. A. Badiyu, & M. I. Bazal*. Damsyik: Dar Ibn Kathir. Ed. 1. Jil. 7
- Al-Raysūnī, A. (2015). *Nazariyyah al-Maqāsid 'inda al-Imām al-Shātibi*. Kaherah: Dar al-Kalimah. Ed. 5.
- Al-Shafī'i, Jabir Abd Al-Hadi Salim. (2012). *Maqasid Syariah ind Al-Hanafiyyah. Dlm. Maqasid Shariaah Fi Al-Madhahib Al-Islamiyyah*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation. Hlm. 105-224
- Al-Shātibi, I. B. M. (2011). *Al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Sharī'ah Sunt. A. A. al-Dimyātī*. Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid. Ed. 1. Jil. 4
- Al-Yubi, Muhammad Sa'ad Ahmad Mas'ud. (2010). *Dawabit i'mal maqasid syariah fi al-ijtihad*. Majallah Al-Usul Wa al-Nawazil. 4:18-70
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1986). *Usul Al-Fiqh Al-Islami*. Damascus: Dar El Fikr.
- Amin, R.M., Yusof, S.A., Haneef, M.A., Muhammad, M.o., & Oziev. (2013). *The Integrated Development Index (I-Dex): A new comprehensive approach to measuring human development. Paper presented at the 9<sup>th</sup> International Conference on Islamic Economics and Finance Growth, Equity and Stability: An Islamic Perspective*. 9-10 September 2013. Istanbul, Turkey.
- Ashuri, Muhammad. (2008). *Al-Tarjih bi al-maqasid: dawabituh wa atharuh al-fiqhi*. Tesis Master, Jami'ah al-Haj Lakhaar, Batna.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan (Buku 1) Kaedah Penyelidikan* Kuala Lumpur: McGraw- Hill Malaysia Sdn Bhd.
- Hamidi Abdul Ghani, Nasron Yaacob. (2021). *Kepentingan Patuh Syariah dalam Keperluan Pengurusan Kewangan*2 (2) [30 July 2023].
- Ibn Manzur. (1993). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar al-Sodir.
- Jahangir, A. (2010). *Elimination of All Forms of Religious Intolerance*. Retrieved from United Nations Human Rights Office of the High Commisioner: <https://undocs.org/A/65/207>
- Mahadzirah Mohamad, Nizaita Omar, Nor Azman Mat Ali, Zainudin Awang. (2016). *Penerokaan Pengukuran Kualiti Hidup Maqasid Syariah*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mahadzirah Mohamad, Nor Azman Mat Ali, Nasir Mohamad, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Norhilmi Muhammad, Fazid Karim. (2014). *Kualiti Hidup Pendekatan Maqasid Syariah*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd Nasaruddin Parzi. (2023). *LKAN: Pengurusan dana Tekun kurang memuaskan*. Harian Metro, 22 November
- Muhammad Al-Tahir Ibn Asyur, Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah. (1998). t.t:Al-Basyair li al-Intaj al-'Ilmi, 1998. 171
- Muhammad Nazir, Ahmad Irdha dan Mohd Izhar Ariff. (2023). *Maqasid Syariah Sebagai Asas Penentuan Hukum Syarak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norashikin Ahmad. (2020). *Maqasid Al-Syariah: Analisis Berdasarkan Pemikiran Sarjana Ekonomi Islam Arus Perdana*. [www.jised.com](http://www.jised.com).

Toynbee, A. J. (1958). *A Study of History*. D. C. Somervell. London: Oxford University Press. Jil. 1 & 2.

### **Jurnal**

- Bielefeldt, H. (2015). *Report of the Special Rapporteur on Freedom of Religion or Belief*. Retrieved from United Nations Human Rights Office of the High Commissioner: <https://undocs.org/A/HRC/31/1>.
- Chapra, M.U. (2008). *The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid Syariah*. London: The International Institute of Islamic Thought.
- Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, Muhammad Firdaus Ab Rahman, Azman Ab Rahman, Ahmad Zaki Salleh, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh. (2021). *Pelaksanaan Pemeliharaan Agama (Hifz Al-Din) oleh Institusi Pembiayaan Mikro Islam di Malaysia*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021.
- Kasule, O. H. (2004). *Derivation of legal rulings on in-vitro fertilization from the purposes of the law*. Paper presented at the First National Seminar on Science from the Islamic Perspective, organized by Faculty of Science, University Brunei Darussalam. 30 Jun 2014.
- Mohamad Rizqi Mubarroq & Muhammad Al Faruq. (2023). Tinjauan Maqasid al-Shariah terhadap Pengelolaan dan Pengembangan Bank Wakaf Mikro Berkah Rizqi Lirboyo Kediri. *ejournal.iaifa.ac.id* 2(2): 2721–7078. <https://ejournal.iaifa.ac.id/index.php/salimiya/article/view/336> [4 September 2023].
- Muhammad Alwi, Muslimin H. Kara, M. Wahyuddin Abdullah & Muhammad Fachrurrazy. (2022). *Konsep Maqasid as Syariah dalam Perbankan Syariah*. *Journal of Islamic Economic Law* Des 7(2): 56–80. <http://ejournaliaainpalopo.ac.id/alamwal>
- Nur Khalidah Dahlana, Wan Aishah Wan Fatulb, Ruzian Markom. (2023). *Tinjauan Konsep Pembiayaan Kredit Mikro di Malaysia*. 'Abqari Journal. <http://doi.org/10.33102/abqai.vol29nol.539>
- Rosly, S. A. (2010). *Shariah Parameters Reconsidered*. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. 3(2), 132–146

### **Tesis Dan Disertasi**

Thaidi, H. A. A. (2018). *How Can Maqāsid al-Sharī'ah Contribute to the Development of Islamic Microfinance? A Study of the Theory and its Application in Practice by Amanah Ikhtiar Malaysia*. (Doktor of Falsafah), University of Aberdeen, Aberdeen.

### **Laman Sesawang**

- Harian Metro. (2023). *TEKUN bantu usahawan mikro industry halal*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/11/780562/tekun-bantu-usahawanmikro-industri-halal> [29 Disember 2023].
- Isemaail, Basri. (2014). *Maqasid Syariah dan pelaksanaannya*. <http://muafakatmalaysia.com/2010/12/10maqasid-syariyah-dan-pelaksanaannya/> 3 Mei 2014.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*